

UM 11 APR 2001

Nilai ringgit terus dikekalkan

KUALA LUMPUR 17 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi menolak andaian bahawa ringgit terlebih nilai dan menegaskan penetapan kadar mata wang negara itu akan terus dikekalkan pada paras sckarang.

Perdana Menteri berkata, keputusan kerajaan itu adalah berasaskan kepada keupayaan negara yang dapat terus bersaing di pasaran dunia.

Menurutnya, eksport negara pada masa ini masih tinggi kecuali terdapat sedikit pengurangan akibat ke-melesetan yang melanda ekonomi Amerika Syarikat.

“Kita tidak fikir langsung ringgit terlebih nilai, kita masih boleh bersaing. Kalau kita tidak boleh bersaing, itu baru terlebih nilai,” katanya selepas merasmikan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Gombak dekat sini hari ini.

Dr. Mahathir menjelaskan, keadaan eksport yang lembap itu turut dirasai oleh semua negara tetapi ia bukan berpunca dari negara itu sendiri tetapi kerana keadaan ekonomi Amerika Syarikat.

Membantu

Katanya, dalam keadaan seperti itu, walaupun Malaysia menurunkan nilai mata wangnya, ia tidak akan dapat membantu kerana tidak ada pasaran.

“Jika nilai ringgit direndahkan kepada lima atau 10 ringgit sekalipun tetapi jika tidak ada pasaran, barangan kita tetap tidak boleh dijual,” katanya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan bahawa tidak ada percanggahan antara kenyataan yang

dibuatnya semalam dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan Bank Negara.

“Penetapan kadar ringgit kekal kecuali mata wang lain naik atau jatuh sehingga 20 peratus dan kekal pada paras tersebut.

“Tetapi kalau ia naik dan jatuh lebih daripada paras itu dan kemudian kembali ke paras asal, itu bukan alasan untuk merubah kadar tukaran ringgit,” jelas Dr. Mahathir.

Beliau berkata, itulah pendirian kerajaan dan tidak ada percanggahan antara kenyataan beliau dan Bank Negara atau Kementerian Kewangan, yang menyatakan kadar ringgit akan terus kekal.

“Jangan cuba membuatkan saya bergaduh dengan Bank Negara,” katanya.